



# **UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGAL 28**

**AKTA RUMAH-RUMAH PERJUDIAN  
TERBUKA**

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 28**

**RUMAH-RUMAH PERJUDIAN  
TERBUKA**

**PENYUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran
3. Kacau-ganggu
4. Kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan rumah-rumah perjudian dan loteri-loteri
5. Meminjamkan wang untuk rumah perjudian dan loteri
6. Bermain dalam sebuah rumah perjudian
7. Berjudi di tempat awam
8. Menghasut, menggalakkan dan melancarkan perjudian di tempat awam
9. Membeli tiket
10. Menjual tiket-tiket loteri
11. Wang yang dibayar boleh didapatkan kembali
12. Penjualan-penjualan tiket-tiket loteri adalah tidak sah

13. Waran menggeledah terhadap bangunan-bangunan
14. Waran menggeledah terhadap orang-orang
15. Majistret sendiri boleh memasuki dan menggeledah
16. Bukti anggapan terhadap rumah dan penghuni
17. Bukti anggapan terhadap penghuni rumah dan pemunya
18. Majistret hendaklah membuat perintah untuk memusnahkan binaan rekaan untuk melancarkan perjudian
19. Melindungi informer-informer dari diketahui
20. Pemeriksaan pesalah-pesalah
21. Buang negeri
22. Budak-budak lelaki boleh disebat
23. Perintah untuk jaminan
24. Hadiah untuk informer
25. Pengecualian

**AKTA RUMAH-RUMAH PERJUDIAN  
TERBUKA**

**Suatu Akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang berkaitan dengan rumah-rumah perjudian terbuka**

3 tahun 1919  
(Penggal 28  
tahun 1951)  
S. 99/59  
21 tahun  
1967  
4 tahun 1977

*Permulaan kuatkuasa : 1hb Januari 1921*

- |  |                |
|--|----------------|
| <p>1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Rumah-Rumah Perjudian Terbuka.</p>         | Gelaran pendek |
| <p>2. (1) Dalam Akta ini kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —</p> |                |

“rumah perjudian terbuka” termasuk mana-mana tempat yang diuruskan atau yang digunakan untuk perjudian kepada mana orang awam atau mana-mana golongan orang awam mempunyai atau mungkin mempunyai jalan masuk dan mana-mana tempat yang diuruskan untuk perjudian biasa sama ada orang awam atau mana-mana golongan orang awam mempunyai atau mungkin mempunyai jalan masuk kepadanya ataupun tidak dan mana-mana tempat yang diuruskan atau digunakan bagi maksud suatu loteri awam ;

“loteri” termasuk mana-mana perjudian, kaedah atau alat di mana wang atau nilai wang dibahagikan atau diuntukkan dalam mana-mana cara yang bergantung kepada atau akan ditentukan kepada nasib atau untung sama ada loteri tersebut diadakan dicabut dijalankan atau diuruskan di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam ;

“tiket loteri” termasuk mana-mana kertas, angka, tulisan, simbol atau benda-benda lain apa jua pun yang mana sama ada dengan nyatanya atau secara maklum memberi hak atau bermaksud memberi hak kepada pemegang atau mana-mana orang lain untuk menerima sebarang wang atau nilai wang ketika berlakunya mana-mana kejadian atau kontingensi yang berkaitan dengan mana-mana loteri awam ;

“tempat” bermakna mana-mana rumah, pejabat, bilik atau bangunan dan mana-mana tempat sama ada terbuka atau tertutup dan termasuk sebuah kapal, perahu atau kapal-kapal lain sama ada yang terapung atau tidak dan mana-mana kenderaan ;

“loteri awam” bermakna suatu loteri kepada mana orang awam atau mana-mana golongan orang awam mempunyai atau mungkin mempunyai jalan masuk dan setiap loteri hendaklah sehingga dibuktikan sebaliknya dianggap sebagai suatu loteri awam ; dan

“seorang Pegawai Polis Kanan” bermakna mana-mana pegawai polis yang tidak rendah daripada Penolong Pengguna dan termasuk mana-mana pegawai polis dengan nama atau jawatan yang khususnya di-berikuasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan secara pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* untuk menjalankan kuasa-kuasa seorang Pegawai Polis Kanan di bawah Akta ini.

(2) Sesebuah tempat di mana tiket-tiket loteri dijual atau dibahagikan hendaklah dianggap sebagai digunakan bagi maksud suatu loteri awam.

(3) Sesebuah tempat hendaklah dianggap sebagai digunakan bagi suatu maksud jika ianya digunakan bagi maksud itu meskipun hanya satu kali sahaja.

(4) Setiap orang yang membenarkan atau menyewakan sebuah tempat hendaklah dianggap sebagai tuan punya tempat tersebut.

(5) Perkataan "alat atau perkakas untuk perjudian" termasuk semua benda yang digunakan dalam atau untuk maksud perjudian atau loteri.

3. Setiap rumah perjudian terbuka adalah dengan ini diisyiharkan sebagai kacau-ganggu terbuka dan awam yang bertentangan dengan undang-undang.

Kacau-ganggu

4. Sesiapa jua yang —

(a) menjadi pemunya atau penghuni atau menggunakan secara sementara atau sebaliknya menguruskan atau menggunakan sebuah tempat sebagai sebuah rumah perjudian terbuka ; atau

Kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan rumah-rumah perjudian dan loteri-loteri

(b) membenarkan sesebuah tempat yang mana dia adalah pemunya atau penghuni atau menggunakannya secara sementara atau sebaliknya diuruskan atau digunakan oleh orang lain sebagai sebuah rumah perjudian terbuka ; atau

(c) menjaga atau menguruskan atau dengan apa cara jua pun membantu dalam pengurusan sesebuah tempat yang diurus atau digunakan sebagai sebuah rumah perjudian terbuka atau membantu dalam menjalankan suatu loteri awam ; atau

(d) menerima secara langsung atau tidak langsung mana-mana wang atau nilai wang untuk atau berhubung dengan sebarang nasib dalam atau kejadian atau kontigensi yang berkaitan dengan suatu loteri awam atau menjual atau menawarkan untuk menjual atau memberi atau menghantar sebarang tiket loteri ; atau

- (e) mencabut, menikam, mengumumkan atau menunjukkan dengan nyatanya atau sebaliknya pemenang atau nombor tiket yang menang, untung, angka, rekabentuk, simbul atau keputusan lain bagi mana-mana loteri awam ;
- (f) menulis, mencetak atau menyiaran, atau menyebabkan untuk ditulis, dicetak atau disiarkan, sebarang tiket loteri atau senarai hadiah-hadiah atau mana-mana pengumuman mengenai keputusan suatu loteri awam atau mana-mana pengumuman atau teka-teki berkaitan dengan suatu loteri awam ; atau
- (g) mengumumkan, menyiaran atau menyebabkan untuk diumumkan atau disiarkan, sama ada secara lisan atau dengan cara sebarang cetakan, tulisan, rekabentuk, tanda atau sebaliknya bahawa sebarang tempat adalah terbuka, diuruskan atau digunakan sebagai sebuah rumah perjudian terbuka atau dengan cara lain mempe-lawa atau memujuk mana-mana orang untuk melakukan suatu pelanggaran bab 6 atau 9 ;

adalah bersalah : Hukuman, denda \$5,000 dan penjara selama 12 bulan.

Meminjam-  
kan wang  
untuk rumah  
perjudian  
dan loteri

**5.** Sesiapa jua yang meminjamkan atau menyediakan wang bagi maksud menubuhkan atau menjalankan perniagaan sebuah rumah perjudian terbuka atau bagi maksud suatu loteri awam atau yang menerima keuntungan daripada penubuhan atau penjalanan perniagaan sedemikian adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 12 bulan dan denda \$5,000.

Bermain  
dalam  
sebuah  
rumah  
perjudian

**6.** (1) Sesiapa jua yang bermain dalam sebuah rumah perjudian terbuka adalah bersalah : Hukuman, denda \$2,500 dan penjara selama 6 bulan.

(2) Seseorang yang didapati dalam sebuah rumah perjudian terbuka atau didapati lari darinya apabila ianya dimasuki di bawah Akta ini hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya sebagai bermain atau telah bermain di dalamnya.

7. (1) Seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati berjudi dalam mana-mana tempat awam dan boleh merampas semua alat atau perkakas untuk berjudi yang didapati dalam tempat awam semikian atau atas orang-orang yang ditangkap di bawah bab ini.

Berjudi di  
tempat awam

(2) Sesiapa jua yang berjudi dalam mana-mana tempat awam adalah bersalah : Hukuman, denda \$2,500 dan penjara selama 6 bulan ; dan semua alat atau perkakas untuk berjudi dirampas di bawah bab ini boleh diisyiharkan oleh Mahkamah di hadapan mana sabitan tersebut diadakan untuk dilucut hak kepada Kerajaan dan hendaklah diselenggarakan dengan sewajarnya.

(3) Jika sebarang wang atau barang berharga yang lain digunakan dalam permainan mana-mana perjudian nasib atau campuran nasib dan kemahiran dalam mana-mana tempat awam, pemain-pemain tersebut hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai berjudi atau telah berjudi.

(4) Dalam bab ini perkataan "tempat awam" termasuk lorong-lorong awam, jalan-jalan, jalan-jalan sempit dan kawasan-kawasan lapang, dan mana-mana tempat yang orang awam mempunyai atau mungkin mempunyai jalan masuk.

8. (1) Sesiapa jua yang menghasut, menggalakkan atau dengan sengaja melancarkan berlakunya suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah bab yang terakhir sebelum ini adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 6 bulan dan denda \$2,500.

Menghasut,  
menggalak-  
kan atau  
melancarkan  
perjudian  
di tempat  
awam

(2) Sesiapa jua yang —

(a) membangun, mengendalikan, atau mengawal, atau membantu untuk membangun, mengendalikan, atau mengawal, mana-mana pondok, gubuk, khemah atau bangunan lain atau tempat perlindungan apa juapun dalam mana suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah bab yang terakhir sebelum ini dilakukan ; atau

(b) membawa ke, atau memiliki di atau dekat, suatu tempat di mana suatu kesalahan sebagaimana yang disebutkan sebelum ini dilakukan mana-mana alat atau perkakas untuk perjudian ; atau

(c) berjaga-jaga supaya dapat memberi amaran, atau memberi amaran, orang-orang yang melakukan suatu kesalahan sebagaimana yang disebutkan sebelum ini mengenai bahaya diketahui ;

hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai telah menggalakkan berlakunya suatu kesalahan di bawah bab yang terakhir sebelum ini.

(3) Seseorang tidak boleh hanya dengan sebab kenyataan bahawa dia telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah bab yang terakhir sebelum ini disabitkan bagi suatu kesalahan di bawah bab ini.

Membeli tiket

9. (1) Sesiapa jua yang sama ada sendirinya atau dengan ejen membayar atau menyimpan mana-mana wang atau nilai wang kepada atau dengan mana-mana orang yang berkenaan dalam perniagaan sebuah rumah perjudian terbuka sebagai suatu cagaran atau untuk atau berhubung dengan mana-mana kejadian atau kontigensi yang berkaitan dengan suatu loteri awam atau membeli suatu tiket loteri adalah bersalah : Hukuman, denda \$250.

(2) Seseorang yang didapati memiliki suatu tiket loteri hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya sebagai telah membeli tiket loteri tersebut.

(3) Setiap tiket loteri yang dibawa atau diperkenalkan ke dalam atau sedang berada dalam Negara Brunei Darussalam hendaklah dirampas menjadi hak Kerajaan dan hendaklah menjadi kewajipan setiap pegawai polis atau kaki-tangan Kerajaan yang lain untuk merampas setiap tiket sedemikian di mana sahaja didapati.

**10.** Seseorang yang menjual, menawarkan jualan, memberi, menghantar atau mengutip tiket-tiket loteri atau didapati memiliki sebanyak 10 atau lebih tiket loteri atau keratan atau salinan tiket-tiket loteri atau mana-mana akaun, memorandum, teka-teki atau rekod mengenai cagaran-cagaran atau pertaruhan-pertaruhan dalam atau berkaitan dengan suatu loteri hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya sebagai membantu dalam suatu loteri awam yang berjalan pada ketika itu.

Menjual  
tiket-tiket  
loteri

**11.** Mana-mana wang atau nilai wang yang telah dibayar atau disimpan untuk atau berhubung dengan mana-mana kejadian atau kontigensi sebagaimana yang disebutkan sebelum ini atau untuk atau berhubung dengan pembeli suatu tiket loteri boleh didapatkan kembali sebagai wang yang dippunyai dan diterima kepada atau untuk kegunaan orang daripada siapa wang tersebut telah diterima.

Wang yang  
dibayar boleh  
didapatkan  
kembali

**12.** Setiap penjualan atau kontrak untuk penjualan suatu tiket loteri adalah dengan ini diisyiharkan sebagai tidak sah dan tiada tindakan boleh disenggarakan oleh mana-mana orang yang berhubung dengan mana-mana penjualan atau kontrak penjualan sedemikian melainkan oleh seorang pembeli untuk mendapatkan kembali wang atau balasan lain (jika ada) yang telah dibayarkan baginya.

Penjualan-  
penjualan  
tiket-tiket  
loteri ada-  
lah tidak  
sah

**13. (1)** Seorang majistret atau seorang Pegawai Polis Kanan setelah berpuas hati terhadap maklumat bertulis dengan mengangkat sumpah dan setelah mana-mana siasatan lanjut yang mungkin difikirkannya perlu bahawa terdapat sebab yang baik untuk mempercayai bahawa mana-mana tempat adalah diuruskan atau digunakan sebagai sebuah

Waran  
menggeledah  
terhadap  
bangunan-  
bangunan

rumah perjudian terbuka boleh dengan waran membenarkan mana-mana orang yang dinamakan di dalamnya atau mana-mana pegawai polis dengan bantuan atau dengan paksaan sebagaimana yang perlu pada waktu malam atau siang untuk memasuki atau pergi ke tempat tersebut dan untuk menggeledah tempat tersebut dan semua orang yang didapati di dalam tempat tersebut dan untuk merampas semua alat atau perkakas untuk perjudian dan semua wang, jaminan-jaminan untuk wang dan benda-benda lain yang disangka dengan munasabah sebagai yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi sebarang perjudian atau loteri yang mungkin didapati di tempat tersebut atau atas mana-mana orang sedemikian, dan juga untuk menahan semua orang tersebut sehingga mereka dan tempat tersebut telah digeledah. Jika mana-mana benda atau butir yang dibuat di bawah Akta ini keterangan anggapan mengenai kesalahan ada didapati di dalamnya mereka hendaklah dibawa di hadapan seorang majistret untuk diambil tindakan menurut undang-undang.

(2) Semua alat dan perkakas untuk perjudian, wang, jaminan-jaminan untuk wang dan benda-benda lain yang didapati dalam sebuah rumah perjudian terbuka atau atas mana-mana orang yang didapati di dalamnya atau yang melarikan diri darinya dan yang mana majistret berpendapat adalah digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan untuk sebarang perjudian atau loteri hendaklah diisytiharkan olehnya sebagai dirampas menjadi hak Kerajaan dan hendaklah diambil tindakan dengan sewajarnya.

Waran  
menggeledah  
terhadap  
orang-orang

**14.** Seorang majistret atau seorang Pegawai Polis Kanan setelah berpuas hati terhadap maklumat dengan mengangkat sumpah dan setelah mana-mana siasatan lanjut yang mungkin difikirkannya perlu bahawa ada terdapat sebab yang baik untuk mempercayai bahawa mana-mana alat atau perkakas untuk perjudian mungkin akan didapati atas mana-mana orang boleh dengan waran yang telah ditandatangani olehnya mengarahkan mana-mana orang yang dinamakan di dalamnya atau mana-mana pegawai polis untuk menangkap orang tersebut dan dengan serta-merta membawanya di hadapan

seorang majistret yang mana setelah itu hendaklah menyebabkan supaya orang tersebut digeledah di hadapannya dan jika mana-mana alat atau perkakas sedemikian didapati pada orang itu dia hendaklah dibawa di hadapan seorang majistret untuk diambil tindakan menurut undang-undang.

**15.** Seorang majistret atau seorang Pegawai Polis Kanan sendiri boleh melakukan apa yang dia suka di bawah bab-bab 13 dan 14 membenarkan seorang pegawai polis untuk melakukan bilamana majistret tersebut adalah layak untuk menge luarkan suatu waran masing-masing di bawah bab tersebut ; dan juga dalam mana-mana hal yang berikut, iaitu —

Majistret  
sendiri boleh  
memasuki  
dan  
menggeledah

- (a) jika mana-mana orang telah dalam masa 6 bulan sebelum itu disabitkan sebagai menguruskan atau menggunakan sebagai sebuah rumah perjudian terbuka tem pat yang dicadangkan untuk dimasuki ; atau
- (b) jika tempat yang dicadangkan untuk dimasuki digunakan sebagai kelab atau persatuan dan dia mem punyai sebab untuk mempercayai bahawa perjudian biasa sedang dijalankan di sana ; atau
- (c) jika dia mempunyai pengetahuan sendiri tentang kenyataan-kenyataan dan butir-butir sedemikian sebagai memuaskannya bahawa ada terdapat alasan-alasan yang mencukupi bagi suatu penggeledahan masing masing di bawah bab-bab tersebut ; atau
- (d) jika dia menerima maklumat yang dikehendaki secara lisan dan sama ada dengan mengangkat sumpah atau dengan tidak mengangkat sumpah di bawah keadaan-keadaan sedemikian bahawa matlamat suatu penggeledahan pada pendapatnya akan tewas oleh kelambatan yang memerlukan maklumat tersebut untuk ditulis ; dengan syarat bahawa dalam hal yang terakhir itu nama dan alamat orang yang memberi maklumat tersebut diketahui atau dipastikan oleh majistret berkenaan sebelum dia bertindak ke atas maklumat tersebut.

(2) Sesiapa jua yang memberi maklumat lisan sedemikian membuat suatu pernyataan yang mana dia tahu atau percaya sebagai palsu atau tidak percaya sebagai benar adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 12 bulan.

Bukti  
anggapan  
terhadap  
rumah dan  
penghuni

16. Jika mana-mana alat atau perkakas perjudian didapati dalam mana-mana tempat yang dimasuki di bawah Akta ini atau pada mana-mana orang yang didapati di dalamnya, atau jika orang-orang dilihat atau didengar hendak lari darinya ketika kedatangan atau kemasukan seorang majistret atau seorang Pegawai Polis Kanan, atau jika seorang pegawai polis atau mana-mana orang yang mempunyai kuasa di bawah Akta ini untuk memasuki atau pergi ke tempat tersebut dihalang dari atau dicegah atau dilambatkan dengan cara yang menyalahi undang-undang untuk memasuki atau datang ke tempat tersebut atau mana-mana bahagiannya, ianya hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa tempat tersebut adalah sebuah rumah perjudian terbuka dan bahawa tempat tersebut adalah diuruskan atau digunakan sedemikian oleh penguninya.

Bukti  
anggapan  
terhadap  
penghuni  
rumah dan  
pemunya

17. (1) Jika dalam hal sebuah tempat yang dimasuki di bawah Akta ini mana-mana lorong, anak tangga atau jalan masuk ke mana-mana bahagiannya adalah luarbiasa sempit atau curam atau sebaliknya sukar untuk dilalui, atau mana-mana bahagian bangunan tersebut disediakan dengan berbagai cara yang luarbiasa untuk menghalang dan mencegah suatu kemasukan atau dengan rekaan yang luarbiasa untuk membolehkan orang-orang di dalamnya untuk melihat atau memastikan kedatangan atau kemasukan orang-orang atau untuk memberi amaran atau untuk melancarkan lari dari tempat tersebut, ianya hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa tempat tersebut adalah sebuah rumah perjudian terbuka dan bahawa tempat tersebut diuruskan atau digunakan sedemikian oleh penguninya ; dan jika notis sebagaimana adalah berikutnya diperuntukkan selepas ini hendaklah telah disampaikan kepada pemunya bangunan tersebut hendaklah selanjutnya dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa tempat tersebut adalah diuruskan sedemikian dengan kebenaran pemunya bangunan tersebut.

(2) Jika ianya sampai pada pengetahuan Pesuruhjaya Polis bahawa mana-mana tempat adalah dipasang atau disediakan dengan sebarang alat atau rekaan yang disebutkan dalam bab ini dengan sedemikian cara yang membawa kepada suatu anggapan bahawa tempat tersebut adalah digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi maksud-maksud sebuah rumah perjudian terbuka hendaklah menjadi kewajipan Pesuruhjaya Polis untuk menyebabkan suatu notis untuk disampaikan kepada pemunya tempat tersebut dan juga kepada penghuninya ; dan jika pemunya sebaliknya tidak diketahui, penyampaian hendaklah dibuat kepada orang atau orang-orang yang dinamakan dalam Daftar Penaksiran atau Daftar Tanah Daerah sebagai pemunya-pemunya atau penghuni-penghuni tempat tersebut ; dan jika nama-nama pemunya-pemunya dan penghuni-penghuni atau pemunya-pemunya dan penghuni-penghuni tidak ada ditulis dalam buku-buku tersebut, notis tersebut boleh disampaikan dengan cara menampalkan kepada pintu luar utama atau mana-mana pintu luar atau jendela atau mana-mana bahagian yang ketara di tempat tersebut.

Pesuruhjaya  
Polis hendak-  
lah memberi  
notis kepada  
pemunya

(3) Setiap penyewa kecil yang menerima suatu notis di bawah bab ini hendaklah dengan serta-merta memaklumkan pemunya atau orang daripada siapa dia menyewa bangunan tersebut mengenai kenyataan penerimaan sedemikian yang mana hendaklah dengan cara yang sama memaklumkan pemunya atau orang daripada siapa dia menyewa bangunan tersebut dan seterusnya sehingga notis tersebut dibawa kepada pengetahuan pemberi pajak yang seterusnya ; dan mana-mana penyewa kecil yang enggan atau meninggalkan untuk memberitahu kepada pemunya atau orang daripada siapa dia menyewa bangunan tersebut tentang kenyataan bahawa notis sedemikian telah diterima adalah bersalah : Hukuman, denda \$2,500.

Penyewa  
kecil  
hendaklah  
memaklum-  
kan  
pemberi  
pajak

Majistret hendaklah membuat perintah untuk memusnahkan binaan rekaan untuk melancarkan perjudian

**18.** Jika nampaknya kepada seorang majistret dalam perbicaraan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini bahawa tempat dalam mana atau berhubung dengan kesalahan yang dikatakan telah dilakukan adalah sebuah rumah perjudian terbuka dan bahawa rumah perjudian tersebut dipasang atau disediakan dengan sebarang alat atau rekaan yang disebutkan dalam bab 17, dia hendaklah memerintah supaya ianya dimusnah dan dibinasakan yang terdiri daripada anak-anak tangga, pintu-pintu dan bahagian-bahagian, tangga-tangga, papan-papan, pelantaran-pelantaran, tiang-tiang, pagar-pagar, penyengkang-penyengkang, kancing-kancing pintu dan barang-barang lain yang nampaknya kepada majistret sebagai telah dibangunkan atau dibina khasnya bagi maksud melancarkan perjalanan perjudian di bangunan tersebut.

Melindungi informer-informer dari diketahui

**19.** Kecuali jika disebutkan selepas ini tiada maklumat yang dirumuskan di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana perbicaraan sivil atau jenayah apa pun juga dan tiada saksi bertanggungjawab atau dibenarkan untuk mendedahkan nama atau alamat mana-mana informer di bawah Akta ini atau menyatakan mana-mana perkara yang mungkin membawa kepada ianya diketahui, dan jika mana-mana buku, dokumen atau kertas yang mana menjadi keterangan atau boleh diperiksa dalam mana-mana perbicaraan sivil atau jenayah apa pun juga mengandungi sebarang catatan yang di dalamnya mana-mana informer dinamakan atau diterangkan atau yang mana mungkin membawa kepada ianya diketahui, maka Mahkamah atau majistret hendaklah menyebabkan semua jalan sedemikian untuk ditutup dari dilihat atau untuk dihapuskan setakat mana yang perlu untuk melindungi informer dari diketahui tetapi tidak lebih dari itu :

Dengan syarat bahawa jika semasa perbicaraan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini majistret setelah siasatan penuh ke dalam kes tersebut mempercayai bahawa informer tersebut dengan sengaja membuat dalam maklumatnya suatu pernyataan mustahak yang mana dia tahu atau percaya

sebagai palsu atau tidak percaya sebagai benar, atau jika dalam mana-mana perbicaraan Mahkamah atau majistret berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya di antara pihak-pihak berkenaan tanpa mengetahui informer tersebut, ianya hendaklah sah bagi Mahkamah atau majistret untuk menghendaki supaya dikemukakan maklumat asal dan membenarkan siasatan dan menghendaki pendedahan sepenuhnya mengenai informer tersebut.

**20.** Bila dua atau lebih orang dipertuduh dengan mana-mana kesalah terhadap Akta ini majistret boleh menghendaki seorang atau lebih daripada mereka untuk memberi keterangan sebagai saksi atau saksi-saksi untuk pihak pendakwa, dan mana-mana orang sedemikian yang enggan mengangkat sumpah atau untuk menjawab mana-mana soalan yang sah hendaklah diambil tindakan dengan cara yang sama sebagaimana saksi-saksi yang enggan berbuat sedemikian boleh dari sisi undang-undang diambil tindakan oleh seorang majistret. Setiap orang yang dikehendaki sedemikian untuk memberi keterangan yang mana pada pendapat majistret membuat penemuan yang benar dan sepenuhnya mengenai semua barang bagi yang mana dia telah diperiksa dengan cara yang sah hendaklah berhak untuk menerima suatu perakuan tanggung rugi yang ditandatangani oleh majistret yang menyatakan bahawa dia telah membuat suatu penemuan yang benar dan sepenuhnya bagi yang mana dia telah diperiksa dengan cara yang sah dan perakuan sedemikian hendaklah menjadi suatu sekatan kepada semua tindakan undang-undang terhadapnya berhubung dengan semua barang sebagaimana yang disebutkan sebelum ini :

Pemeriksaan  
pesalah-  
pesalah

Dengan syarat bahawa sesiapa jua yang dipertuduh dengan suatu kesalahan terhadap Akta ini, jika difikirkannya patut, menyerahkan dirinya untuk diperiksa bagi pihaknya sendiri, dan oleh kerana itu boleh memberi keterangan dengan cara yang sama dan dengan maksud dan akibat-akibat yang sama seperti mana-mana saksi yang lain.

## UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

16

PENG. 28

*Rumah-Rumah Perjudian Terbuka*

---

- |                        |  |
|------------------------|--|
| Buang negeri           | <p><b>21.</b> Jika pada bila-bila masa nampaknya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat bahawa mana-mana orang adalah seorang penjudi profesional atau menceburkan diri dalam menggalakkan perjudian awam baginda boleh mengeluarkan suatu perintah di bawah Akta Buang Negeri supaya orang sedemikian dibuang negeri dari Negara Brunei Darussalam.</p>   |
| Penggal 20             | <p><b>22.</b> Mana-mana orang lelaki yang nampaknya masih mentah yang menghendaki hukuman dengan cara yang lebih merupakan disiplin sekolah daripada keadilan jenayah yang biasa yang disabitkan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh sebagai ganti mana-mana hukuman lain yang diperuntukkan dengan ini dijatuhkan hukuman dera dengan rotan yang ringan atau rotan yang tidak lebih daripada 10 kali sebat di punggung yang terdedah.</p>  |
| Perintah untuk jaminan | <p><b>23.</b> Jika seseorang yang telah disabitkan bagi suatu kesalahan di bawah bab 4 disabitkan lagi bagi kesalahan yang sama di bab-bab itu, Mahkamah Majistret boleh, selain daripada hukuman yang diperuntukkan oleh bab itu, membuat suatu perintah yang menghendakinya untuk memberi jaminan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun oleh seorang atau lebih penjamin bahawa dia tidak akan menyalahi Akta ini dan setiap perintah sedemikian hendaklah dibuat sehampir yang mungkin dengan cara yang sama dan hendaklah mempunyai maksud dan akibat yang sama seolah-olah perintah tersebut adalah suatu perintah untuk memberi jaminan bagi kelakuan baik di bawah Penggal VII dari Kanun Peraturan Jenayah.</p> |
| Penggal 7              | <p><b>24.</b> Majistret boleh mengarahkan mana-mana denda atau mana-mana bahagian dari mana-mana denda yang dikenakan di bawah Akta ini untuk dibayar kepada informer.</p>   |
| Hadiah untuk informer  | <p><b>25.</b> Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh dengan perintah bertulis mengecualikan mana-mana rumah atau kumpulan rumah-rumah atau kawasan daripada peruntukan-peruntukan Akta ini.</p>   |
| Pengecualian           |  |